

USIM juara pertandingan Mahkamah MUT Syariah

SEREMBAN 13 Dis. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengungguli Pertandingan Mahkamah MUT Syariah (PMMS) Peringkat Kebangsaan 2011 apabila muncul sebagai pasukan terbaik dalam pertandingan yang diadakan di USIM, Nilai, di sini baru-baru ini.

Kejayaan itu menyaksikan pasukan USIM yang diwakili oleh penuntut dari Fakulti Syariah Undang-Undang menerima wang tunai RM5,000, dan piala.

Pertandingan itu anjuran USIM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), Majlis Tatatertib dan Disiplin Universiti-universiti Malaysia (MATDUM) dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).

Sementara itu, penuntut Kulliah Undang-Undang USIM, Ahmad Ibrahim pula dianugerahkan sebagai penulis hujahan terbaik sekali gus membawa pulang wang tunai RM3,000 beserta piala.

Dalam pertandingan tersebut, penuntut Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Syamimi Abdul Rahman dinobatkan sebagai penghujah terbaik dan menggondol hadiah wang tunai RM1,500 bersama piala.

Pertandingan dua hari itu telah disertai oleh tujuh institusi pengajian tinggi (IPT) antaranya Usim, UKM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sultan Zainal Abidin (USZA) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Dalam pada itu, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda ketika berucap pada penutup pertandingan tersebut memberitahu, PMMS tahun ini sudah masuk kali kedua penganjurannya, di mana kali pertama ia diadakan adalah pada 2009.

“Dengan izin Allah, USIM akan terus menganjurkan PPMS pada tahun akan datang memandangkan pertandingan ini mendapat sokongan yang kuat dari pihak KPT, Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Kehakiman Syarie Negeri dan Persatuan Peguam Syarie.